

26/07/2000

125 pelajar lepasan SPM lanjut pelajaran ke Perancis

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan akan menghantar 125 pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan di universiti di Perancis dalam tempoh lima tahun, mulai September ini.

Program yang dianjurkan Kerajaan Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Perancis itu akan menyaksikan penghantaran 25 pelajar setahun, membabitkan kos kira-kira RM12.7 juta.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Dompok, berkata program diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu bertujuan menambah jumlah graduan dalam pelbagai bidang kejuruteraan, terutama kejuruteraan automotif, di samping mengeratkan lagi hubungan kerjasama antara kedua-dua negara.

Bagaimanapun, katanya, untuk sementara waktu pelajar yang akan dihantar menerusi program itu akan mengikuti pengajian dalam bidang seperti kejuruteraan multimedia, kejuruteraan kimia, kejuruteraan elektrik, kejuruteraan komputer, kejuruteraan elektronik dan telekomunikasi.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Perancis di Kedutaan Perancis, di sini hari ini.

MoU itu ditandatangani Duta Perancis ke Malaysia, Xavier Driencourt bagi Kerajaan Perancis dan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Tan Sri Samsudin Osman bagi Kerajaan Malaysia.

(END)